

Kes bunuh kejam wanita Filipina polis tahan dua lelaki

OLEH JAINUDIN DJIMIN
jainudin@newsabah-
times.com.my

LABUAN : Polis di sini telah menahan dua lelaki warga Filipina kerana disyaki terlibat dalam kes bunuh yang membabitkan seorang pekerja pelayan pelanggan (GRO) warga Filipina yang ditemui mati di jalan kawasan tangki air Kampung Sungai Lada, 12 September lalu.

Mayat mangsa yang dikenali sebagai Linawag Abelilla, 25 tahun ditemui oleh orang awam selepas terhidu bau busuk ketika melakukan jogging di jalan tersebut.

Ketua Polis Daerah Wi-

layah Persekutuan Labuan, Superitendan Adzhar Othman berkata, suspek pertama, 22, ditahan pada 21 September kira-kira jam 6 petang di hadapan rumahnya di Simpang Dedap Kampung Sungai Bedaun manakala, suspek kedua ditangkap pada 23 September kira-kira jam 2.45 petang susulan daripada pendedahan suspek pertama.

"Sebelum ini polis telah menahan enam lelaki bagaimanapun empat yang ditahan telah dibebaskan oleh polis selepas berpuas hati mereka tidak terlibat langsung dalam kes itu, manakala dua daripadanya ditahan selepas disyaki sebagai suspek pem-

bunuhan wanita itu," katanya dalam satu sidang media di pejabatnya kelmarin.

Beliau berkata, kedua-dua suspek ditahan reman selama seminggu mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dihukum mati.

"Pihak polis sedang melengkapkan kertas siasatan sebelum dihantar ke pejabat Timbalan Pendakwa Raya untuk mendapatkan arahan selanjutnya," katanya.

Katanya, pada 12 Sept lalu polis telah menemui mayat seorang wanita yang sudah mula reput di jalan kawasan tangki air di Kampung Sungai Lada yang pada

awalnya diklasifikasikan sebagai mati mengejut.

Bagaimanapun, hasil bedah siasat yang dijalankan pada 15 September lalu oleh pakar patologi Unit Forensik Hospital Queen Elizabeth mendapati belakang tempurung kepala mayat retak disebabkan hentakan oleh satu objek tajam.

Berikutan laporan itu katanya, polis membuka semula kertas siasatan dan mengklasifikasikan sebagai kes bunuh dan disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Hasil daripada siasatan lanjut mangsa sebelum ini telah dipaksa oleh suspek per-

tama untuk melakukan hubungan sek secara percuma, namun ditolak oleh mangsa dan meminta bayaran terlebih dahulu.

Bagaimana pun mangsa yang turut dilaporkan sebagai seorang yang 'gila seks' telah membawa mangsa ke satu tempat sebelum dipukul dengan benda tajam dipercayai menggunakan batang paip dan kayu dan kemudiannya mayat mangsa telah diseret kira-kira 11 meter dari tempat dia di bunuh sebelum dicampak dalam belukar tempat mangsa ditemui.

Menjawab pertanyaan media, beliau menjelaskan suspek kedua kerana disyaki



WAJAH ... mangsa yang dibunuh selepas menolak hubungan seks secara percuma oleh suspek pertama.

terlibat dan bersubahat dengan suspek pertama yang membawa mangsa dan membantu mencampakkan mangsa ke dalam belukar.